

Sistem penilaian pelajar lebih sempurna dirangka

WM - 16/9/2006

KUALA LUMPUR 15 Sept. - Satu Peta Hala Tuju Pentaksiran sedang dirangka Kementerian Pelajaran Malaysia bagi merintis perubahan dalam sistem pentaksiran dan penilaian pelajar sekolah.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (**gambar**) berkata ia bertujuan mewujudkan satu sistem yang lebih berorientasikan kepada pembelajaran berterusan dan lebih sempurna di kalangan pelajar.

"Dalam Peta Hala Tuju Pentaksiran ini, saya berharap kita dapat merangka satu dasar pentaksiran kebangsaan, menetapkan suatu standard dan kriteria untuk mentaksir murid, bukan sahaja di atas pencapaiannya dalam pembelajaran, tetapi juga menggalak dan memperbaiki pembelajaran," katanya di Malam Anugerah Pentaksiran Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) di sini malam ini.

Bagaimanapun, Hishammuddin menjelaskan bahawa semua sistem peperiksaan awam tidak akan dimansuhkan dalam usaha untuk mewujudkan sistem pembelajaran yang lebih berdaya saing.

LPM diarahkan untuk mengkaji dan mencadangkan bagaimana pentaksiran formatif berasaskan sekolah dalam menseimbangkan keperluan peperiksaan awam berpusat boleh dilaksanakan

"Peperiksaan awam, terutamanya yang bertujuan untuk pensijilan masih diperlukan kerana kepentingan pendidikan dan sosialnya," katanya.

Untuk melaksanakan rancangan itu, beliau berkata LPM diarahkan untuk mengkaji dan mencadangkan bagaimana pentaksiran formatif berasaskan sekolah dalam menseimbangkan keperluan peperiksaan awam berpusat boleh dilaksanakan.

Katanya, pendekatan dalam penyediaan kurikulum dan sukatan pelajaran juga akan dikaji supaya selaras dengan sistem pentaksiran yang baru.

Antara aspek yang akan dikaji dan diubah termasuk kaedah pengajaran dan pembelajaran, pendekatan latihan guru dan juga kaedah penaziran.

Hishammuddin berkata setelah perancangan itu siap, kementerian akan memilih sebilangan sekolah sebagai projek perintis untuk sistem pentaksiran baru itu.

Beliau berkata pendekatan-pendekatan yang dikenalpasti itu mungkin dirintis di sejumlah sekolah yang berada bawah kelompok kecemerlangan terlebih dahulu agar kesannya terhadap para pelajar, guru dan ibubapa dapat diukur.

- Bernama

**HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN**
Menteri Pelajaran
Malaysia